

11 MAY 2000
Umno-Khalil
ANGGOTA UMNO KINI 2.81 JUTA ORANG

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Umno, yang genap 54 tahun hari ini, mempunyai anggota lebih 2.8 juta orang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata sehingga 31 Dis lepas, jumlah anggota parti ialah 2,813,625 orang, pertambahan sebanyak 41,857 orang daripada tahun sebelumnya.

Dalam laporannya yang dibentangkan pada perhimpunan agung Umno di sini, beliau berkata bagi tempoh itu juga sebanyak 17,909 cawangan Umno telah didaftarkan.

Katanya kesemua 165 Bahagian kecuali satu, telah berjaya mengadakan persidangan perwakilan Bahagian masing-masing dan menghantar perwakilan ke perhimpunan agung kali ini.

Bahagian tunggal itu ialah Bandar Tun Razak di Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, yang mempengerusi persidangan, berkata seramai 2,010 anggota perwakilan hadir pada perhimpunan agung itu.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang masing-masing menang tanpa bertanding bagi jawatan presiden dan timbalan presiden parti.

Turut hadir pada majlis perasmian perhimpunan agung itu oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra sebelum itu ialah wakil pemerhati dari 18 Kelab Umno di luar negara, para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional dan para perwakilan asing.

-- BERNAMA
NZ RON